

12 AUG 1998

Sukom-NGO

KERAJAAN BERI AMARAN NGO JANGAN TIMBUL MASALAH SEMASA SUKOM

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Kerajaan hari ini memberi amaran kepada semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya jangan mengambil kesempatan untuk mengadakan sebarang demonstrasi semasa berlangsungnya Sukan Komanwel ke-16 bulan depan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata polis akan bertindak tegas terhadap sesiapa juga yang cuba melakukan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan atau kelicinan perjalanan sukan Kuala Lumpur '98 itu.

"Polis tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan setegas-tegasnya untuk memastikan Sukan Komanwel berjalan selamat dan lancar," katanya pada persidangan berita selepas mendengar taklimat persiapan Sukom oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor di Stadium Nasional di sini.

Katanya, temasya sukan itu yang akan berlangsung di 23 gelanggang dengan penyertaan 6,000 atlit dari 70 negara selain 1,500 wartawan, melibatkan maruah negara di mata dunia dan Malaysia telah menjanjikannya sebagai Sukan Komanwel terbaik pernah dianjurkan.

Ketika ditanya sama ada amaran itu diberikan kerana ada tanda-tanda NGO akan menggunakan kesempatan semasa temasya sukan kedua terbesar di dunia itu berlangsung, beliau berkata tidak ada tanda-tanda ia akan berlaku.

Beliau berkata Malaysia mengambil iktibar daripada beberapa demonstrasi oleh NGO di negara-negara lain setiap kali berlangsungnya sesuatu persidangan antarabangsa.

Katanya, kerajaan meminta NGO di Malaysia yang diketahui aktif memberi kerjasama dan bersama-sama dengan rakyat lain membantu menjayakan sukan itu.

"Sebagai kerajaan kita merayulah rakyat supaya tidak menimbulkan sebarang masalah semasa sukan ini... tetapi di pihak polis, mereka akan mengambil tindakan setegas-tegasnya," katanya.

Katanya, polis yang diperuntukkan RM19.3 juta untuk memastikan keselamatan dan kelicinan perjalanan Sukan Komanwel akan mengerahkan 5,400 anggotanya sepanjang sukan itu termasuk bagi kawalan trafik.

Tajol Rosli berkata polis juga giat membuat pengawasan untuk mengambil tindakan tegas terhadap pengguna Internet yang cuba memasukkan berita palsu atau khabar angin yang boleh menjejaskan perjalanan temasya sukan itu.

"Polis kini juga sudah 'IT conscious' dan bersedia menangani masalah ini," katanya, yang mahu pengguna Internet melihat kejayaan polis menahan dua penyebar khabar angin semalam sebagai amaran keras.

Beliau bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri, mengucapkan tahniah kepada polis yang cekap dan bertindak cepat sehingga berjaya menahan dua penyebar khabar angin kononnya berlaku rusuhan di ibu negara Jumaat lepas.

"Anggota kita, seorang berpangkat DSP mengesan khabar angin itu pukul 12 tengah hari dan membuat aduan polis pada pukul 1 tengah hari 8 Ogos," katanya.

Ketika ditanya mengenai tangkapan lain, beliau berkata beberapa tangkapan lagi pasti akan dibuat dan tidak menolak kemungkinan terdapat unsur luar yang terlibat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting, Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Samsudin Osman turut hadir pada majlis itu.

-- BERNAMA
MNY oBa